



HERSHEY'S

KELUARGANYA YANG MISKIN

Hidup keluarganya yang miskin menyebabkan dia terpaksa berhenti sekolah ketika usia 14 tahun. Tekanan hidup menyebabkan ibu dan ayahnya bercerai. Ketika itulah ibunya tetap memberikannya semangat agar terus bekerja kuat untuk berjaya walaupun dia tidak dapat bersekolah.

KERJA PENCETAKAN

Pada mulanya dia berkerja di kedai pencetakan. Tetapi kena pecat setelah topinya masuk dalam mesin. Tambahan pula ia tidak minat dengan kerja itu.



KERJA DI KEDAI GULA-GULA & PASTRI

Kemudian ibunya menyarankan dia bekerja di kedai membuat gula-gula dan pastri. Di situlah dia merasakan jiwanya sesuai dengan apa yang dilakukannya. Ia benar-benar jatuh cinta dengan kerja tersebut. Di sini membuktikan bila seseorang dah jumpa apa yang menjadi minatnya, maka kesanggupan akan datang walau apa jua rintangan yang datang.



KERJA PENCETAKAN

Pada mulanya dia berkerja di kedai pencetakan. Tetapi kena pecat setelah topinya masuk dalam mesin. Tambahan pula ia tidak minat dengan kerja itu.

BERHENTI BERBISNES

Adakah ia berhenti dari perniagaannya itu? Ya ia berhenti dan berpindah ke Denver untuk duduk dengan ayahnya. Tetapi di sana, dia tetap cari kerjasebagai pembuat gula-gula juga. Maknanya walaupun ia berhenti bisnes tetapi ia tetap tidak berhenti minatnya pada pembuatan gula-gula.

TIDAK PUAS HATI KERJA DENGAN ORANG

Rupa-rupanya di situlah, dia mendapat satu lagi ilmu. Bahawa susu segar akan membuat rasa gula-gula menjadi lebih enak. Sebab tidak berpuas hati bekerja dengan orang, sekali lagi dia membuka kedai gula-gulanya di Kota New York pula. Tetapi gagal lagi.

BERBISNES BALIK DAN BERJAYA

Adakah dia serik? Pada tahun 1883, dia kembali semula ke Lancaster dan kali ini dia yakin akan berjaya. Di situ dia membuka perniagaan membuat karamel dengan mendirikan Lancaster Caramel Company. Betul, kali ini dia memang berjaya setelah ia benar-benar bersedia dengan produk dan pengalaman.

WAWASAN YANG LEBIH BESAR

Setelah berjaya Hershey tidak berhenti di situ. Kali ini ia memiliki wawasan yang lebih besar. Iaitu coklat. Untuk pengetahuan, coklat masa itu adalah makanan golongan elit dan mahal. Hershey bercita-cita ingin membuka kilang untuk mengeluarkan coklat dalam jumlah yang banyak supaya dapat dinikmati oleh semua orang.



INGIN MEMBINA BANDAR

Setelah ia menjual Lancaster Caramel Company dengan harga \$ 1 juta pada tahun 1900, dia bukan sahaja ingin membuka kilang coklat bahkan ingin membina bandar supaya pekerja boleh tinggal di situ. Orang menganggap idea gila.



Setelah mengeluarkan coklat susu dan dijual dengan harga murah melalui Hershey Chocolate Company. Setelah melalui semuanya, akhirnya dia dapat juga mewujudkan bandar Hershey Pennsylvania. Benarlah apabila kekayaan yang dikecapi tidak hanya makan sorang dan dia bagi balik kepada masyarakat menyebabkan Hershey menjadi industri yang dipertahankan oleh semua orang.

PENGAJARAN



Buat benda yang kita benar-benar minat



Setelah berjaya menyumbanglah kembali kepada masyarakat



Biarpun pengajian tidak tinggi cita-cita kena tinggi

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِّنْ نَّفَقَةٍ أَوْ نَذَرْتُمْ مِّنْ نَّذْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُهُ

“Apa yang kamu sumbangkan Allah mengetahui”

(al-Baqarah : 270)